

UM 5 DEC 2002

Mercun: Penguat kuasa perlu jalan tugas dengan baik

PUTRAJAYA 4 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penjualan mercun di negara ini boleh dihapuskan sepenuhnya sekiranya pihak penguat kuasa menjalankan tugas dengan baik.

Perdana Menteri berkata, pihak berkuasa sebenarnya boleh menyelidik sumber mercun berkenaan diperolehi dan mengenakan tindakan keras terhadap penjualnya bagi menghentikan terus pengedaran mercun.

“Mercun ni adalah satu benda yang berbunyi dan boleh didengar semua orang.

“Saya yakin kalau kita ada penguatkuasaan yang baik sudah tentu kita akan

dapat berkejar ke tempat itu dengan segera dan mengambil tindakan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membuat rakaman perutusan Hari Raya Aidilfitri di pejabatnya di sini hari ini.

Perdana Menteri menjawab pertanyaan mengenai kegiatan penjualan mercun yang dilaporkan masih berleluasa walaupun diharamkan sejak beberapa tahun lalu.

Dr. Mahathir berkata, mereka yang bermain mercun itu sendiri boleh memberikan maklumat mengenai siapa yang menjual dan mengimport bahan itu.

“Kalau kita betul-betul hendak hentikan

permainan mercun ini, kita boleh selidik hingga ke puncanya dan kita ambil tindakan yang keras terhadap mereka yang membawa masuk mercun ini,” tegas Dr. Mahathir.

Mengenai kadar kemalangan jalan raya yang semakin meningkat, Perdana Menteri berkata, rakyat yang mahu pulang berhari raya di kampung harus berjaga-jaga dan mengawal tingkah laku supaya tidak berlumba-lumba di perjalanan.

“Selain itu, kenderaan berat juga mestilah dipandu dengan lebih cermat,” ujar Perdana Menteri.